

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pembelian peralatan perubatan baru di Sarawak General Hospital. Senaraikan secara terperinci jenis alat perubatan, kos serta syarikat yang membekalkannya bagi tahun 2012 sehingga kini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan senantiasa menaiktaraf perkhidmatan hospital selaras dengan perkembangan teknologi perubatan. Sehubungan dengan itu, sejumlah peruntukan akan diperuntukkan bagi perolehan peralatan-peralatan perubatan baru dan penggantian. Bagi Hospital Umum Sarawak, sebanyak RM70,851,184.96 telah dibelanjakan bagi perolehan peralatan perubatan sepanjang tahun 2012 sehingga kini. Sebanyak 76 buah syarikat terlibat bagi pembekalan alat-alat tersebut. Di antara peralatan yang dibekalkan ialah mesin LINAC dan *Brainsuite*, peralatan ICT, ventilator, incubator, mesin haemodialysis, pelbagai jenis scope, peralatan makmal dan perabot.